



**PERUTUSAN DATUK BANDAR  
MESYUARAT MAJLIS BIL. 8 /2021  
28 SEPTEMBER 2021 (21 SAFAR 1443H)**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT di atas limpah kurnia-Nya, kita dapat menghadiri Mesyuarat Majlis pada kali ini. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai serta seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang telah bersama menjalankan tugas dan tanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan kepada penduduk Petaling Jaya. Segala pencapaian dan kejayaan pastinya menuntut komitmen yang jitu dan semangat kerja berpasukan.

Memandangkan di Petaling Jaya masih di dalam tempoh perintah kawalan pergerakan, mengikut fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 2, perkhidmatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya termasuk proses permohonan daripada pelanggan akan terus dilaksanakan dengan amalan norma baharu dan pematuhan terhadap SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara. Justeru, pelanggan

Majlis digalakkan menggunakan perkhidmatan Majlis secara atas talian (online) tanpa perlu hadir ke premis Majlis.

Selain daripada menjalankan tugas-tugas hakiki di dalam menyampaikan perkhidmatan berkaitan permohonan bagi pembangunan, pelesenan permit, perkhidmatan pembersihan, kejuruteraan, kakitangan Majlis juga merupakan *frontliners* bagi membendung penularan wabak COVID-19.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

2. Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah merancang koordinasi tindakan penguatkuasaan yang akan dilaksanakan termasuklah rondaan, pemeriksaan, pemantauan bagi memastikan tahap pematuhan SOP dipatuhi oleh pemilik perniagaan dan orang awam. Fokus semakan dan pemeriksaan pula merangkumi premis-premis perniagaan tred, aktiviti lesen berisiko, perkilangan dan perindustrian, industri kreatif, penjaja dan aktiviti riadah.

Di samping itu, kolaborasi bersama pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) masih diteruskan bagi memastikan tindakan-tindakan penguatkuasaan yang dijalankan lebih efektif. Sepanjang bulan September 2021, Majlis telah melaksanakan semakan ke atas **1,918 premis perniagaan, 25 sektor industri, 5,129 penjaja, 377 premis makanan, 683 lesen berisiko, 483 kawasan pasar dan 258 kawasan riadah.**

Secara kumulatifnya, bermula 7 Mei 2021 sehingga 26 September 2021, sebanyak **34,191 pemeriksaan** telah dilaksanakan merangkumi **10,389 premis perniagaan, 162 sektor industri, 14,356 penjaja, 3,625 premis makanan, 2,147 premis lesen berisiko, 2,553 kawasan pasar dan 959 kawasan riadah.** Susulan daripada itu, sebanyak **4,071 tindakan penguatkuasaan** telah dilaksanakan iaitu **3,626 kompaun pelbagai, 8 kompaun** di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), **86 amaran lisan, 230 notis penutupan, 90 sitaan/pindah alih dan 31 penutupan premis.** Di samping itu, sebanyak 239 operasi bersepadu juga telah dijalankan bersama Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya dan agensi-agensinya berkaitan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Majlis sentiasa menambahbaik serta memantapkan usaha-usaha bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pemegang taruh (*stake holders*) Petaling Jaya berjalan dengan lancar. Sehubungan itu, peranan bilik gerakan **SMART COVID-19 OPERATIONAL ROOM (SCOR)** sebagai pusat data aduan dan tindakan penguatkuasaan menjadi nadi serta indikator utama bagi mendukung aspirasi tersebut. Usaha ini adalah seiring dengan konsep *Smart City* yang terkandung di bawah program berimpak tinggi Majlis dalam membentuk PJ Smart Centre sebagai pusat *Big Data* Petaling Jaya.

Merujuk kepada *Essential Services*, sebanyak **61,169 transaksi secara atas talian** dan **12,895 transaksi manual** melibatkan perkhidmatan kaunter serta temujanji telah direkodkan sepanjang bulan September 2021 (sehingga 26 September 2021). Manakala, sebanyak **69 aduan** dan pertanyaan awam telah direkodkan dan diselesaikan secara keseluruhan juga dalam tempoh tersebut.

4. Majlis giat melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas isu-isu pembuangan sampah haram di kawasan Petaling Jaya di bawah akta dan Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah-sarap (MBPJ) 2007. Konsep *Search and Snap* merupakan pendekatan proaktif bagi menangani isu pembuangan sampah haram. Inisiatif '**Anda diperhatikan**' ini telah dilaksanakan secara serampang tiga mata iaitu bagi memantapkan keberadaan (*omnipresence*) dan memupuk kesedaran di kalangan orang awam agar tidak sewenang-wenangnya membuang sampah merata-rata.

Beberapa lokasi *hotspot* pembuangan sampah haram telah dikenalpasti melalui analisa aduan, rondaan, intipan serta pemantauan melalui *mobile CCTV. Method* atau kaedah siasatan yang dijalankan adalah ke arah menjejaki pelaku dan mengambil tindakan penguatkuasaan mengikut SOP yang ditetapkan. Sepanjang tahun 2021 (Sehingga 26 September), sebanyak **60 tindakan kompaun**, **3 tindakan sitaan** dan **satu tindakan pendakwaan** telah dilaksanakan. Tugas-tugas penguatkuasaan ini akan terus dipergiatkan bagi mendidik masyarakat awam secara berterusan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

5. Sesi Townhall Cadangan Bajet 2022 telah diadakan pada semalam, Isnin 27 September 2021.

Sesi tersebut yang julung kalinya diadakan secara dalam talian (online) melalui google meet link telah berlangsung dengan lancar dan jayanya dengan dihadiri oleh lebih 160 orang terdiri daripada ADUN, Ahli Parlimen, Ahli-Ahli Majlis, Wakil Persatuan Penduduk serta Pegawai-Pegawai Majlis. Sesi Townhall ini diadakan selaras dengan keperluan Local Agenda 21 Majlis supaya program/projek yang dicadang di dalam bajet dapat dilaksanakan dengan tepat dan betul seperti kehendak penduduk.

Semasa sesi tersebut, Wakil-wakil Persatuan Penduduk telah memberikan idea-idea yang bernas untuk diambilkira di dalam Bajet 2022 seperti menaiktaraf kualiti kemudahan awam, memberi pendedahan kepada warga Petaling Jaya ke arah penggunaan perkhidmatan digitalisasi, meningkatkan kualiti alam sekitar serta menjadikan Petaling Jaya ikon di dalam kehidupan habitat berdaya huni.

Sebanyak 223 maklumbalas telah diberikan oleh penduduk Petaling Jaya melalui survey yang dilaksanakan mulai 15 Julai hingga 1 Ogos. Daripada jumlah tersebut 199 maklumbalas telah diambilkira dan dianalisa. Cadangan Bajet 2022 dibentangkan dengan Cadangan Hasil sebanyak RM388.74 juta dan Cadangan Perbelanjaan sebanyak

RM414.23 juta. Hasil daripada sesi tersebut, Wakil Penduduk, ADUN dan Ahli Majlis telah berpuashati dan memahami usaha Majlis untuk mengutip sumber hasil di dalam situasi ekonomi post covid yang mencabar serta langkah-langkah kawalan perbelanjaan ketat yang perlu dilaksanakan oleh Majlis pada tahun 2022. Majlis berharap kerjasama yang erat ini akan menjadikan bandar Petaling Jaya sebuah bandaraya yang responsif dan berdayatahan.

6. Majlis ingin memaklumkan bahawa tempoh bayaran cukai taksiran Julai-Disember 2021 telah dilanjutkan sehingga **30 September 2021 bersamaan hari Khamis**. Bagi pemunya harta yang masih lagi belum menjelaskan cukai taksiran, adalah diingatkan sekali lagi supaya berbuat demikian pada atau sebelum **30 September 2021** untuk mengelakkan sebarang bayaran denda yang dikenakan.

Bagi memudahkan urusan orang ramai khususnya pemunya harta boleh menyemak dan mendapatkan salinan bil cukai taksiran mereka melalui <https://ecukai.mbpj.gov.my/mbpjesalinanbil> dan membuat bayaran secara dalam talian menggunakan aplikasi **eCukai@MBPJ** atau portal bayaran **ePay@MBPJ**.

Majlis sekali lagi ingin memaklumkan bahawa operasi keseluruhan kaunter utama bayaran dan perkhidmatan di Ibu Pejabat MBPJ, Jalan Yong Shook Lin ditutup bagi kerja-kerja menaiktaraf dan ubah suai. Oleh yang demikian, bayaran boleh dijelaskan di kaunter lobi Menara MBPJ, kaunter cawangan di Pejabat Cawangan MBPJ dan KIOS bayaran di Ibu Pejabat dan Menara MBPJ.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

7. Untuk makluman warga Petaling Jaya khususnya kepada para peniaga yang terkesan sepanjang tempoh pandemik Covid-19 ini, bagi mana-mana premis yang kehilangan penyewa/ penyewa terpaksa menamatkan penyewaan, pemilik premis boleh memohon remisi/ rebat cukai taksiran sepanjang tempoh kekosongan tersebut dengan cara mengemukakan permohonan remisi/ rebat cukai taksiran kepada Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, MBPJ sama ada secara kiriman surat bertulis atau boleh juga diemailkan permohonan kepada [jpph@mbpj.gov.my](mailto:jpph@mbpj.gov.my). Pihak Majlis akan memberikan pertimbangan sewajarnya terhadap setiap permohonan setelah syarat-syarat permohonan dipenuhi. Ini juga selaras dengan hasrat Majlis di bawah Pelan PJSSR 2030 di bawah Halatuju 3.0: Ekonomi untuk membantu dan mengalakkan pembangunan usahawan.

Selain itu, pihak Majlis juga telah menerima sesalinan surat dari pejabat SUK memaklumkan berkenaan keputusan MMKN berkenaan pengecualian Sewa Bulanan premis milik Majlis yang memberi pengecualian sewaan untuk bulan Jun dan Julai 2021 terhad kepada premis yang tidak beroperasi semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Ini diharapkan sedikit sebanyak dapat meringankan beban para peniaga di Petaling Jaya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

8. Majlis Bandaraya Petaling Jaya ingin memaklumkan bahawa operasi keseluruhan di kaunter utama bayaran dan perkhidmatan di Ibu Pejabat MBPJ, Jalan Yong Shook Lin akan ditutup bermula 20 September 2021 sehingga 25 Julai 2022 bagi memberikan laluan kepada kerja-kerja menaiktaraf dan ubahsuai kaunter selesai sepenuhnya. Walaubagaimanapun, operasi kaunter bayaran dan perhidmatan akan diteruskan seperti di lokasi berikut :-

<b>Bil</b>	<b>Tempat</b>	<b>Masa Urusan</b>
1.	Menara MBPJ	8.00 pagi hingga 4.00 petang (Isnin hingga Jumaat)
2.	Mesin Kios di Ibu Pejabat & Menara MBPJ	8.00 pagi hingga 9.00 malam (Isnin hingga Ahad)
3.	Pejabat Cawangan Petaling Jaya Utara <b>(Temujanji Sahaja)</b>	8.00 pagi hingga 3.00 petang (Isnin hingga Jumaat)

Majlis amat menggalakkan orang ramai untuk menggunakan perkhidmatan secara dalam talian sepenuhnya. Inisiatif ini merupakan salah satu kemudahan kepada pelanggan untuk berurusan dengan Majlis tanpa perlu keluar dari rumah untuk melakukan sebarang jenis urusan. Perkhidmatan secara dalam talian ini juga merupakan sebahagian daripada norma baharu dalam kehidupan masa kini disamping dapat menjimatkan kos kerana orang ramai boleh melakukan transaksi tanpa terhad kepada waktu pejabat sahaja.



Sehubungan dengan itu, bagi memudahkan urusan pelanggan, Majlis telah menyediakan perkhidmatan secara atas talian seperti Sistem Aduan Online, eLesen, eMBPJ, eTempahan, ePay@MBPJ, Smart PJ Enforcement, eCukai@MBPJ, Bazar@PJKITA dan lain-lain perkhidmatan.

Bagi memudahkan pelanggan, segala maklumat terkini berkenaan waktu operasi perkhidmatan Majlis juga dimuatnaik ke laman sosial rasmi dan laman web rasmi Majlis [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my).

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

9. Pada 5 Oktober 2020 yang lalu, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah melancarkan aplikasi smart lesen di mana segala permohonan, pembaharuan, semakan, notifikasi sms/*e-mail*, semakan bersepadu, *auto billing*, bayaran, cetakan lesen, pemantauan dan penguatkuasaan dan *dashboard* i-lesen boleh dibuat secara dalam talian. Inisiatif ini secara tidak langsung membawa satu saluran yang baru bagi perkhidmatan Majlis yang memudahkan pemegang lesen melakukan pembayaran dan mencetak lesen tanpa perlu hadir ke kaunter-kaunter Majlis.

Inisiatif ini sekali gus meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan bagi memenuhi keperluan pelanggan MBPJ. Pada tahun 2020 sebanyak 29.6 peratus (%) iaitu 7,882 daripada 26,620 pemegang lesen membayar dan mencetak lesen secara atas talian. Sehingga September 2021, sebanyak 5,668 daripada 13,207 atau

42.9 peratus (%) pemegang lesen menggunakan perkhidmatan pembayaran dalam talian. Peningkatan peratusan pembayaran secara dalam talian atau transaksi tanpa tunai ini menunjukkan penerimaan pelanggan terhadap inisiatif yang diperkenalkan oleh Majlis.

Sempena **Kempen Baharui Lesen Perniagaan 2022** yang akan bermula pada 1 Oktober 2021 sehingga 31 Disember 2021, Majlis Bandaraya Petaling Jaya ingin memaklumkan kepada pemegang lesen perniagaan sebanyak 27,025 dan usahawan mikro sebanyak 4,287 boleh membuat pembaharuan secara dalam talian. Dalam masa yang sama, semua pemegang lesen perniagaan perlu mengemaskini maklumat terkini perniagaan seperti emel, nombor telefon, penambahan aktiviti perniagaan dan iklan. Maklumat ini sangat penting bagi memastikan Majlis dapat menyalurkan maklumat terkini dan semua perniagaan mematuhi syarat-syarat lesen di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan 2007.

Selain itu pemegang lesen perlu memastikan pelekat premis berada dalam keadaan baik. Sekiranya pelekat premis mengalami kerosakan, ianya boleh dimohon dengan kadar harga RM 35.00 secara temujanji. Sukacita saya mengingatkan agar semua pemegang lesen atau wakil perlu menyediakan terlebih dahulu dokumen-dokumen yang diperlukan dengan lengkap seperti salinan kad pengenalan, surat perwakilan kuasa bagi bukan pemegang lesen dan nombor telefon bimbit yang didaftarkan bagi menerima pesanan sebelum membuat bayaran secara dalam talian. Pada tahun ini, pembaharuan lesen

perniagaan dan usahawan mikro di bahagikan kepada 4 kategori lesen seperti berikut :

#### **a) Pembaharuan Lesen Perniagaan**

**Kategori 1:** Pemegang lesen yang tidak mempunyai kompaun Majlis, tidak memerlukan pembaharuan kelulusan kebenaran merancang dan permit struktur. Kategori ini boleh membuat bayaran terus dalam talian.

#### **b) Pembaharuan Kelulusan Kebenaran Merancang Dan Permit Struktur**

**Kategori 2:** Pemegang lesen yang memerlukan **pembaharuan kebenaran merancang** daripada Jabatan Perancangan Pembangunan dan permit struktur daripada Jabatan Kawalan Bangunan terlebih dahulu. Bagi pembaharuan kategori ini, Majlis menyediakan 5 kakitangan daripada Jabatan masing-masing yang akan bertanggungjawab dalam membantu pemegang lesen dalam urusan berkaitan bagi meneruskan pembaharuan lesen perniagaan tahun 2022 ini. Pemegang lesen juga boleh menghantar permohonan pembaharuan lesen melalui emel atau pesanan mesej melalui aplikasi *WhatsApp* waktu hari bekerja. Segala maklumat ini juga boleh diperolehi di dalam laman web Majlis, [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my).

#### **c) Pembaharuan Lesen Anjing**

**Kategori 3:** Pembaharuan lesen anjing yang mana pemegang lesen boleh memperbaharui lesen anjing secara dalam talian di pautan

**elesen.mbpj.gov.my**. Pemegang lesen yang ingin memperbaharui lesen untuk tempoh 2 atau 3 tahun perlu menghubungi Jabatan Pelesenan secara *WhatsApp* di talian 013-9410146.

#### **d) Pembaharuan Lesen Usahawan Mikro**

**Kategori 4:** Pembaharuan lesen usahawan mikro di mana, pemegang lesen usahawan mikro seperti lesen gerai, kios, pasar malam, pasar pagi dan lain-lain lesen usahawan bagi tahun 2022. Pemegang lesen perlulah membuat permohonan temujanji secara atas talian terlebih dahulu menggunakan QR Kod yang telah diwujudkan melalui [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my). Pemegang lesen usahawan mikro juga perlu hadir ke kaunter mengikut tarikh dan masa temujanji yang akan ditetapkan kelak selain mematuhi SOP Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Majlis turut menyediakan 3 lokasi kios pembayaran lesen iaitu di **Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Menara MBPJ** dan **Pejabat Cawangan Petaling Jaya Utara** di Sekyen 8 Kota Damansara yang beroperasi dari hari Isnin sehingga Ahad bermula jam 8.00 pagi sehingga 9.00 malam. Pembayaran melalui kios ini boleh dibuat secara tunai dan kad.

Bagi memberi keselesaan dan kemudahan semua pemegang lesen juga boleh mencetak lesen perniagaan sendiri secara dalam talian di pautan **elesen.mbpj.gov.my** dengan bersaiz A4 dan dipamerkan di tempat yang mudah dilihat selaras dengan peruntukan Undang-

Undang Kecil Pelesenan (MBPJ) 2007 yang digunapakai. Laksanakan pembaharuan lesen perniagaan dan usahawan mikro 2022 secara dalam talian sebelum tamat tempoh lesen perniagaan anda.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

**10.** Pejabat Kesihatan Daerah Petaling telah menyerahkan tugas selia urus bagi semua jenazah COVID-19 di Tanah Perkuburan Islam termasuk Krematorium di bawah seliaan PBT masing-masing bermula pada 16 Ogos 2021. Berdasarkan ini, Tanah Perkuburan Islam dan Krematorium/perkuburan Hindu di bawah seliaan Majlis adalah seperti berikut:

- a) Tanah Perkuburan Islam, Kota Damansara
- b) Tanah Perkuburan Islam, PJS 4
- c) Tanah Perkuburan Hindu, SS22 Damansara Jaya
- d) Krematorium MBPJ, Kampung Baiduri Petaling Jaya

Mulai pada tarikh berkenaan, Majlis telah mengendalikan urusan pengkebumian dan pembakaran jenazah secara menyeluruh.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

11. Bagi masalah banjir kilat, Pihak Majlis telah mengenalpasti lokasi-lokasi *Hotspot* yang kerap berlakunya kejadian banjir. Terdapat 33 lokasi hotspot banjir kilat dan 58 lokasi aduan air bertakung. Bagi isu banjir kilat, 19 lokasi selesai dinaiktaraf longkang sediaada dan 14 lokasi sedang dalam proses naiktaraf. Manakala, untuk air bertakung sebanyak 49 lokasi telah selesai dan baki sebanyak 9 lokasi dalam proses tindakan penyelesaian. Diantara punca-punca berlakunya kejadian banjir ini ialah taburan hujan yang tinggi dan luar jangka, daun kering dan ranting kayu yang mengganggu aliran air longkang dan binaan tanpa kebenaran. Langkah-langkah penyelesaian terhadap isu banjir adalah meliputi pemeriksaan ke atas *scupper* dan longkang, memastikan kebersihan daun dan ranting, menaiktaraf *scupper* kepada rekabentuk baru, mengawasi tapak-tapak pembinaan dan siap siaga pasukan dalaman Majlis (*Road Gang*) bagi kerja-kerja kecemasan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

12. Pemberian permit bermasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) diteruskan kepada tiga sesi iaitu sesi 1, Sesi 2 dan Sesi 3 di 10 lokasi di Jalan PJS 2/1, Jalan PJS 2D/1, Jalan Cecawi, Jalan TSB 4, Jalan PJS 10/24, Jalan PJS 6/6B, Jalan Sek 17/38, Jalan SS 3/64 dan Jalan SS 3/19. Perniagaan yang diberikan permit adalah perniagaan yang bermula dari Sesi 1 (6 pagi hingga 10 pagi), Sesi 2 (11 pagi hingga 5 petang dan Sesi 3 (6 petang hingga 12 malam). Pemberian permit yang

melibatkan 3 sesi ini dapat memberikan lebih banyak peluang kepada peniaga untuk memiliki lesen perniagaan yang sah. Setakat ini sejumlah 726 pemegang permit bermasa telah pun dilesekan. Dalam masa yang sama, bancian dan sesi libat urus telah pun dilaksanakan yang dihadiri oleh Puan Timbalan Datuk Bandar di Jalan PJS 2D/1, Taman Medan melibatkan 32 orang peniaga. Pihak Majlis akan mengambil tindakan penyusunan yang melibatkan 32 orang peniaga yang telah dibanci. Di kesempatan ini juga mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli- Ahli Majlis, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), jabatan teknikal daripada MBPJ yang telah pun memberikan kerjasama dalam sesi libat urus dan pemberian permit bermasa ini.

Majlis telah mewujudkan Unit Pembangunan Usahawan di mana fokus utama terbahagi kepada empat (4) iaitu : (1) **menambahbaik infrastruktur gerai dan penempatan usahawan**, (2) **membangunkan modal insan usahawan**, (3) **memperkuh ekonomi usahawan** dan (4) **memantapkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan** Majlis bagi membangunkan usahawan. Program pembangunan usahawan akan bermula pada minggu kedua bulan Oktober di mana kursus akan diberikan berhubung asas keusahawanan dan penerangan program anjuran Kerajaan Negeri secara dalam talian.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

- 13.** Kes demam denggi yang dilaporkan pada Minggu Epid (ME) ke-37 sehingga 18 September 2021 adalah sejumlah **952 kes**. Kes ini telah mencapai **penurunan** sebanyak 71 peratus (%) berbanding pada tahun 2020 iaitu **3,240 kes**. MBPJ telah mencatatkan bilangan kes terendah iaitu 952 kes bagi tempoh yang sama, sebanyak **9 wabak terkawal** dilaporkan. Manakala **1 lokaliti wabak tidak terkawal** dan **1 lokaliti wabak hotspot** terkini yang aktif dilaporkan sehingga **ME 37 (18/09/2021)** di kawasan MBPJ.

Meskipun laporan kes demam denggi menunjukkan penurunan, Majlis berharap agar penduduk Petaling Jaya tidak alpa dan leka untuk menjaga kebersihan persekitaran kediaman masing-masing. Hanya perlu meluangkan masa selama 10 minit untuk membersihkan kawasan persekitaran kediaman masing-masing, pastikan segala bekas-bekas yang berada di persekitaran kediaman dimusnahkan bagi mengelakkan pembiakan nyamuk aedes. Manakala bagi kawasan yang menakung air contohnya saluran air hujan yang tersumbat, lantai rata yang menakung air perlulah sentiasa dibersihkan dan meletakkan ubat jentik-jentik.

Justeru komitmen penuh dan kerjasama semua penduduk Petaling Jaya amatlah diharapkan bagi memastikan kes denggi ini akan terus menunjukkan penurunan. Lindungi diri, masyarakat serta keluarga anda dari bahaya demam denggi yang boleh membawa maut. Tiada Aedes tiada Denggi.

**Sekian, terima kasih.**